

27/04/2002

Puisi sinis kuasai pentas Baca Puisi Menara

Salbiah Ani

PUIISI sinis yang berkisar kepada Melayu dan penderitaan rakyat Palestin akibat kerakusan rejim Israel sehingga sanggup membelakangkan kebenaran apalagi kemanusiaan menguasai pentas Baca Puisi Menara yang berlangsung di Menara Telekom, Alor Star, Kedah, baru-baru ini.

Majlis anjuran Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Angkatan Sasterawan Nasional Kedah (Asasi) berlangsung pada jam 9 malam disertai penyair dari Kuala Lumpur dan Kedah.

Pengacara tetap majlis Baca Puisi Pena-BH, Borhan Md Zain, mendeklamasikan puisi panjang lagi sinis, Puisi Pandir, bukan saja sarjana menjadi sasaran tetapi juga bangsa Melayu yang menerima Pak Pandir mewakili Melayu.

...Senyumnya Melayu

Lagaknya Melayu

Hidupnya Melayu

Tidurnya Melayu

Bodohnya Melayu

Dungunya juga Melayu

Demikian kata

sarjana Melayu.

...Maka aku laungkan

Pak Pandir Bukan Melayu

Dia adalah watak

bikinan penjajah

Melayu tidak sebodoh itu

Bangsa Melayu

adalah bangsa cerdik

Bangsa Melayu

adalah Bangsa Pandai

Ismas Saring yang muncul di pentas dengan nama pena Nurul Mokhtar, mendeklamasikan puisi sinis Avant-Garde Anak Melayu, yang menyebabkan khalayak tersenyum sumbing, menampilkan bauran rangkap pantun dan syair.

...Anak Melayu

zaman merdeka

hidup kian terbela

tinggalkan kampung

dan desa

timba ilmu di luar negara

semua boleh bila ada kuasa

cukup waktu pulanglah

mereka

cakap Melayu malu,

cakap Inggeris merapu

loya tekak

sarapan ubi kayu

bertahun makan potato

dengan keju

pelat lidah bertutur

bahasa ibu...

Penyair dari Klang, Dr Ibrahim Ghaffar yang lengkap berpakaian ala ahli pencak silat mendeklamasikan puisinya, Seorang Lelaki Yang Berani II (Dedikasi Buat Dr Mahathir Sempena Ulang Tahun Kelahiran ke-76).

...Dia seorang lelaki yang
berani
mengubah arah
sejarah bangsanya
yang lencong di pesong
parasit orientalis
inti kebenarannya
tiris terhakis.
Laksana akur:
kota kita Kuala Lumpur
warisan Yap Ah Loy
Kapitan Pangkor
tegar menukar dengan
Putrajaya
pelambang kejayaan
sebuah bangsa
tajalli sejarah gemilang,
pribumi mengulangi sejarah
dan tertebuslah
maruah yang
menconteng wajah...

Beberapa lagi penyair yang muncul di pentas dengan puisi bertema Melayu termasuklah Halim R, (Mengapa Aku Jadi Melayu), Razali Mohd Yusof (Wahai Orang Melayu) dan Johan Sayembara Deklamasi Puisi Kebangsaan 2001, Nordin Ahmad (Ke Mana Kau Melayu).

Ledakan api kemarahan beberapa penyair yang benci dan geram dengan kebiadapan Israel yang meletakkan nilai nyawa rakyat Palestin lebih hina daripada seekor binatang antaranya dapat dilihat melalui puisi Puzi Hadi, Afghanistan Is Every Where (Hari Wanita Antarabangsa 2002 @ 8 Mac).

...Afghanistan
is every where
Afghanistan is every where
dunia penuh masalah
angkara manusia
segelintir pemimpin
bertukar badut sirkus
ya Tuhan beri petunjuk
dan keselamatan kepada
umat manusia
ya Tuhan berikan
keamanan sesama manusia
ya Tuhan peliharakan
ekosistem alam sekitar
kerana aku semacam
putus asa
apa dah jadi dengan dunia
di abad ke-21 sepatutnya
manusia lebih dewasa...

Ahmad Shukri Abdullah tersipu-sipu apabila diusik Borhan Md Zain sebagai 'penyair yang mempunyai suara yang tidak seimbang dengan bentuk tubuhnya' ketika memperkenalkan jaguh deklamasi puisi itu untuk mendeklamasikan puisi Ahh.... Mereka.

Seperti biasa, Ahmad Shukri, yang suka memakai mafela daripada kain serban, bukan saja meluat kepada kedurjanaan Israel tetapi juga Amerika Syarikat yang disifatkannya syaitan celaka, hantu Yahudi dan penghasut perang.

Kekejian Yahudi dipanjangkan dalam puisi keduanya, Kencana Lara Sebuah

Palestin, yang disampaikan secara bersama dengan Razali Mohd Yusof, Zaen Kasturi dan Borhan Md Zain, bagi menutup majlis Baca Puisi Menara.

Kebencian dan kebosanan kepada bangsa Yahudi mahupun Israel turut diluahkan Tokoh Sastera Kedah, Affrini Adham, ketika mendeklamasikan puisinya, Palestin - Israel: Siapa Yang Ganas Kejam Degil.

...Washington Rumah Putih
Amerika
konco-konco Zionis yang
lain-lain
hipokrit, ceme, tuli, jahil
PLO bukan pengganas tapi
patriot Muslim
intifada di Gaza-Tebing
Barat bukti dalil
siapa ganas siapa
yang mengganas
siapa itu Israel bertindak
liar lawan batu
guna belantan gas
peluru heli tank bedil
langgar hak asasi
buru bunuh rakyat
Palestin...

Kemantapan lontaran suara ahli politik di Kedah, Nor Jamilah Mohd Noor, ketika mendeklamasikan puisinya Di Relong Hiduku, mendapat pujian daripada bendahari Pena, Rasanubari Asmarah Baharum.

...Pada misteri yang dahsyat
yang menghasilkan
sebuah lukisan
dari kanvas dunia dengan
cat darah dan berusnya,
dari tulang temulang
anak-anak Palestin,
Bosnia, Somalia, Chehnya
dan Afghanistan
dan saksilah
Bila angin rindu meniti
di ladang-ladang yang subur
dengki & intimidasi...

Beberapa bakat baru turut memeriahkan Baca Puisi Menara dan antaranya mereka termasuklah Raja Rajeswari Seetha Raman, guru di salah sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur, yang pertama kali muncul di pentas puisi Kedah.

Ketika sebahagian besar daripada kita berusaha mengelakkan diri daripada terjebak ke dalam kesengsaraan, nampaknya Raja Rajeswari, tidak demikian dan mendambakan kedatangan sengsara dalam hidupnya seperti dapat dikesan dalam bait awal puisinya, Inginku Dakap Sengsara.

...Aku ingin dakap
kesengsaraan
Aku ingin cium kemurungan
Aku ingin kucup keperitan...

Seorang lagi penyair muda, Shahrin MN, yang semakin berjinak-jinak dengan pentas baca puisi, mendeklamasikan karyanya, Bicara Kepada Penyair Muda, seakan-akan menyindir penulis baru yang menceburi bidang terbabit.

...Siapa mahu pedulikanmu
penyair muda
bilangan mu terlalu ramai

yang gigih yang sekadar
bersuka-suka
apatah lagi orang baru
sepertimu
namamu kerdil kecil
entah siapa yang peduli
kehadiranmu...

(END)